

# MEDAN BAHASA

## BAHASA DALAM TINJAUAN ILMU JIWA

“Kalau kita ingin mengenal rendah atau tinggi jiwa suatu bangsa, sempit atau luas akalnya, dalam atau dangkal pengalaman hidupnya, halus atau kasar akhlakunya, atau kalau kita ingin mengetahui apakah segi keahliannya di dalam lapangan kepandaian dan ilmu pengetahuan, apakah sikapnya, terhadap sesuatu di dalam alam ini maka dapatlah kita mengukur dari khazanah kata-kata bahasa yang digunakan oleh mereka.” Kata al-Adīb Yusuf Zaki Yaakob, Kelantan, dalam ucapan radio anjuran “Dewan Bahasa dan Pustaka” yang dihidangkan di sini dengan sepenuhnya – Pengarang Qalam.

(Oleh: Yusuf Zaki Yaakob)

Cogan kata Dewan Bahasa dan Pustaka sekarang yang berbunyi “Bahasa Jiwa Bangsa” dan pepatah lama orang tua-tua kita yang berbunyi “Bahasa Menunjukkan Bangsa” adalah keduanya merupakan kata-kata hikmat yang mengandungi suatu tafsir yang tepat dan sesuai dengan pendapat ilmu jiwa tentang perhubungan bahasa dengan suatu bangsa dan tentang kepentingan bahasa kepada suatu bangsa.

Bahasa jiwa bangsa bukanlah sekadar bererti bahawa menjadi tinggi atau rendah darjat suatu bangsa itu adalah terhenti di atas tinggi atau rendah darjat bahasanya, tetapi maksud cogan itu adalah lebih dalam dan lebar lagi dari pengertian yang tersebut.

Cogan ini yang sebenarnya bermaksud menyatakan kepada kita suatu hakikat yang besar iaitu bahasa itu adalah gambaran dari jiwa, akal dan akhlak suatu bangsa,

kerana bahasa itu adalah himpunan atau kumpulan kata-kata yang membayangkan segala macam perasaan dan emosi yang dialami oleh jiwa suatu bangsa, segala rupa fikiran yang lalu lintas di dalam akal mereka, segala jenis pengalaman yang didapati di dalam hidup mereka, segala jenis kepandaian yang dipelajari dari masyarakat mereka, segala sikap yang didapati dalam hidup, segala sikap mereka terhadap sesuatu dalam alam ini dan segala akhlak yang dipuja dan dikutuk oleh mereka. Melihat kepada peranan bahasa yang besar inilah maka setengah ahli-ahli jiwa pernah berkata bahawa bahasa itu akal suatu bangsa.

Kalau kita ingin mengenal rendah atau tinggi jiwa suatu bangsa, sempit atau luas akalnya, dalam atau dangkal pengalaman hidupnya, halus atau kasar akhlakunya, atau

kalaupun kita ingin mengetahui apakah segi keahliannya di dalam lapangan kepandaian dan ilmu pengetahuan, apakah sikapnya terhadap sesuatu di dalam – alam ini maka dapatlah kita mengukur dari khazanah kata-kata bahasa yang digunakan oleh mereka.

Tegasnya dengan jalan menatap kamus-kamus yang dipunyai oleh suatu bangsa maka kita dengan mudah dapat mengukur jiwa, akal dan akhlak mereka dengan tidak payah kita memijak tanah air mereka atau bercampur-baur dengan mereka, kerana kamus-kamus inilah merupakan suatu rekod zaman berzaman yang benar dan amanah dalam menggambarkan perkembangan jiwa dan akal mereka. Kaya atau miskin khazanah kata-kata yang terkandung di dalam kamus-kamus suatu bangsa itu adalah memberi sebaik-baik ukuran sama ada bangsa itu mempunyai akal yang besar atau akal yang kecil, kerana akal fikiran itu adalah tersusun dari kata-kata, yang mana dengan tidak ada kata-kata yang kaya, suatu bangsa itu tidak boleh berfikir dengan luas dan tepat.

Seterusnya dari kata-kata bahasa juga kita dapat mengenal sikap dan keistimewaan suatu bangsa; dari kata-kata “kamikaze” dan “harakiri” dalam bahasa Jepun orang dapat mengenal bangsa Jepun sebagai satu bangsa yang setia dan berani berkorban kerana melaksanakan kewajipan dan tanggungjawab, dari kata-kata Indonesia “gotong royong” orang dapat mengukur betapa tingginya kecintaan rakyat jelata Indonesia kepada dasar kerjasama di dalam kehidupan di kampung-kampung mereka, dari kata-kata “ke bawah duli tuanku”, “ampun tuanku beribu-ribu ampun” orang dapat mengukur bangsa Melayu sebagai bangsa yang sangat terikat dengan adat istiadat beraja, dari kata-kata falsafah yang kaya di dalam bahasa Greek kita dapat mengenal bangsa Greek sebagai bangsa yang ahli

di dalam falsafah, dari kata-kata yang seni dan kiasan-kiasan yang kaya di dalam bahasa Arab orang dapat mengukur bangsa Arab sebagai bangsa penyair yang tajam. Pada akhirnya dari kamus-kamus kita yang masih miskin dengan kata-kata istilah kepandaian dan ilmu pengetahuan yang tumbuh pada hari ini orang luar dapat mengukur dengan senang bahawa bangsa kita Melayu masih ditinggal jauh oleh keretapi kemajuan ilmu pengetahuan dan kepandaian manusia yang moden. Demikianlah seterusnya bahasa itu membuka hakikat kelemahan dan kelebihan yang ada pada suatu bangsa.

Dari beberapa contoh yang ringkas ini dapatlah kita mengetahui betapa rapatnya hubungan bahasa dengan perkembangan jiwa, akal dan akhlak suatu bangsa dan inilah sebabnya mengapa bahasa itu dikatakan jiwa bangsa dan bahasa itu dikatakan menunjukkan bangsa.

Kalau dari bahasa kita dapat mengukur darjah pemikiran, darjah keluasan jiwa dan darjah akhlak suatu bangsa, maka dari bahasa juga kita dapat mengukur peribadi dan jiwa seorang sasterawan atau seorang penulis. Kalau kita ingin mengenal peribadi seorang penulis maka carilah kata-kata yang selalu diulang di dalam tulisannya, kerana dia tidak akan mengulang kata-kata ini kalau tidak dia didorong oleh perhatiannya yang berat terhadap pengertian yang tertentu kata-kata ini.

Kalau kita ingin mengenal peribadinya lebih jauh maka perhatikanlah gaya tulisannya, lenggang pengucapannya adakah dia membawa irama yang duka, gembira, lemah, bersemangat, yakin, sangsi, sombong, merendahkan diri, menceroboh, pengecut, pengampu, kerana seorang penulis itu tidak akan hanyut dalam satu gaya dan lenggang kalau tidak digendang atau dilagukan dari dalam jiwanya. Tegasnya, gaya tulisan seorang sasterawan itu ialah lagu pujaan jiwanya yang dinyanyikan dengan diam-diam dan sunyi.

Kalau kita ingin mengenal jiwa seseorang penulis lebih luas dari tadi maka perhatikanlah mauduk atau pokok pembicaraannya yang ditulis dengan cara yang bersahaja tidak ditekan-tekan atau dipaksa, kerana dia tidak akan memilih mauduk ini kalau tidak mendapat perhatian yang berat dari jiwanya.

Tegasnya, kata-kata, gaya dan mauduk yang dipilih oleh seorang penulis itu adalah cermin yang boleh menggambarkan warna peribadinya. Dengan ukuran inilah juga kita dapat memilih dan mengenal peribadi tiap-tiap orang yang pernah bertemu ramah dengan kita.

Inilah tafsir pengertian “Bahasa Jiwa Bangsa” yang dianalisa dengan ringkas mengikut tinjauan ilmu jiwa.

Ketika Kongres Bahasa yang ketiga yang bersidang di Singapura memilih cogan ini sebagai sambutan perjuangan Dewan Bahasa dan Pustaka, maka mulai dari hari itulah Dewan Bahasa dan Pustaka dengan sendirinya merupakan sebuah dewan yang bertanggungjawab kepada perkembangan jiwa dan akal bangsa Melayu. Tugasnya tidak lagi terbatas sekadar mengeluarkan daftar-daftar ejaan baharu, sekadar membongkar hasil-hasil sastera lama, sekadar menerbit buku-buku cerita terjemahan, sekadar mengeluarkan cerita-cerita pendek dan cerita-cerita panjang dan sekadar membentuk istilah-istilah baharu, tetapi tugasnya meliputi segala kegiatan untuk membentuk jiwa yang besar, akal yang luas, peribadi yang hidup, moral yang tinggi bagi bangsa Melayu menerusi seluruh usaha pendidikan, persuratan dan perpustakaan, dan tugas yang sedemikian besar, mustahil dapat dipikul oleh Dewan Bahasa dan Pustaka dengan seorang diri, dengan tidak ada kerjasama yang rapat dari seluruh sasterawan dan bijak pandai

yang ada di serata negeri Tanah Melayu ini hanya kerjasama yang seperti inilah kita akan mencapai hasrat kita yang lama untuk menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa yang sungguh-sungguh dapat menggambarkan kebesaran jiwa, ketinggian akal dan kemuliaan akhlak bangsa Melayu di dalam jangka waktu yang tidak sangat lama.

### Bahasa Jiwa Bangsa.

## JOHAN BAHAS



*Kanan: Johan bahas Bahagian Tinggi, dari Sekolah Inggeris Bartley. Bergambar dengan johan bahas Bahagian Rendah, dari Sekolah Craft Centre Geylang yang telah berjaya merebut gelaran itu dalam peraduan bahas sekolah-sekolah Singapura.*